

Publication	Sinar Harian	Section/Page No.	Laporan Khas/Pg.N14
Date	Sunday, 26th September 2010	Lead Article	No
Headline	Fawoam Pastikan Industri Pembaikan Kereta Maju		

Fawaom pastikan industri pembaikan kereta maju

PRESIDEN Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (Fawaom), Kong Wai Kwong berkata, industri pembaikan kereta semakin merosot dari hari ke hari walaupun jumlah kerosakan kereta akibat kemalangan jalan raya semakin meningkat.

Ini mungkin disebabkan kurangnya kepercayaan pengguna yang bimbang ditipu oleh pengusaha bengkel, terutama dari segi masa diambil, harga dikenakan dan juga alat gantian yang digunakan.

Namun, kesalahan tidak seharusnya kepada pengusaha bengkel sahaja. Kelewatan bayaran dan bayaran untuk

perkhidmatan yang kurang dari sepatutnya oleh pihak insurans juga menyebabkan hal sama berlaku.

Menerusi kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Peraturan Insurans Bank Negara, Fawaom berharap dapat membersihkan nama baik pengusaha bengkel.

"Selain itu, Fawaom berusaha untuk membuat keseragaman dari sudut amalan dan harga dikenakan pengusaha bengkel.

"Hal ini bukan hanya untuk menjaga kepentingan pengusaha bengkel, tetapi kepentingan pengguna juga supaya mereka dapat

memastikan harga dan tidak ditipu sama ada pengusaha bengkel atau syarikat insurans," katanya.

Fawaom, sebuah persatuan didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), di mana ia ditubuhkan pada April 1990 untuk mewakili dan mempromosikan industri pembaikan automobil negara.

Fawaom berpendapat, pengusaha bengkel merupakan pekerjaan yang profesional.

Untuk mengubah persepsi

masyarakat terhadap pengusaha bengkel, mereka harus diberikan pendidikan sepatutnya supaya kerja dilakukan itu bertaraf pekerja profesional.

Sehubungan itu, Fawaom menawarkan program pendidikan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Sumber Manusia untuk memberikan pendidikan terbaik kepada pengusaha bengkel kereta di seluruh Malaysia.

Ia merupakan program yang dikreditkan, dikenal pasti dan sijilnya disahkan.



KONG WAI KWONG